


### APA CERITA DI KAMPUS?

# Panduan teroka bidang jagaan kesihatan sebagai kerjaya



Peserta prauniversiti menyertai kegiatan amali atau 'hands-on' kendalian pelajar Perubatan Universiti Nasional Singapura (NUS) semasa program dua hari di NUS baru-baru ini. – Foto-foto MHOP



Pelajar Terapi Bahasa dan Pertuturan tahun empat dari Institut Teknologi Singapura (SIT), Cik Nurul Diyanah Damanhuri, memberi pengenalan tentang kursusnya.

► **BATRISYIA BAHRIM**  
batrisyia@spph.com.sg

Program Pendekatan Penjagaan Kesihatan Muslim (MHOP), yang bermula sebagai daya usaha kecil sekumpulan pelajar, kini menerima pengiktirafan dan sokongan yang semakin meluas.

Dianjurkan Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA), MHOP menyediakan wadah bagi pelajar prauniversiti Islam yang berminat dalam kursus penjagaan kesihatan agar meneroka pilihan mereka dan mendapatkan pandangan berharga.

La merupakan usaha meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar selain menggalak-

dan membimbing mereka yang berminat mencuba bidang penjagaan kesihatan sebagai kerjaya.

Disokong oleh Mendaki, MHOP adalah acara tahunan yang diusahakan pelajar penjagaan kesihatan Islam dari Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Institut Teknologi Singapura (SIT).

MHOP, yang dimulakan pada 2015, awalnya tertumpu kepada kursus NUS sahaja.

Bagaimanapun, skop MHOP telah berkembang dari tahun ke tahun bagi melibatkan pelajar dari pelbagai universiti lantas memupuk persekitaran lebih terangkum dan pelbagai.

Pengaruh projek MHOP 2023/2024, Encik Muhammad Hazmi Kamsari, 22 tahun, dan

Encik Luqman Afiq Juraini, 23 tahun, berkongsi dengan *Berita Harian* (BH), bahawa jawat-

ankuasa MHOP bagi 2023/2024 telah menjalankan program dua hari pada 9 dan 10 Disember di NUS.

Ia khusus untuk memberikan peserta pemahaman menyeluruh tentang pelbagai jalur kerjaya yang tersedia dalam sektor penjagaan kesihatan.

Pada hari pertama, ia diadakan secara fizikal dengan 97 peserta manakala hari kedua pula dijalankan secara dalam talian dengan sekurang-kurangnya 62 peserta.

Seramai 29 sukarelawan MHOP turut terlibat dalam menyajikan program itu yang merangkumi gabungan pembentangan, perbincangan dan kegiatan amali atau *hands-on*.

Apa yang membezakan MHOP daripada wadah dan program jangkauan penjagaan kesihatan lain di Singapura ialah tumpuan uniknya

untuk menerapkan nilai Islam ke dalam pendidikan dan jangkauan penjagaan kesihatan.

“Dengan menyediakan persekitaran yang menyokong dan inklusif yang meraikan kepelbagaiannya, MHOP mewujudkan semangat kemasrakatan dan kekitanan dalam kalangan pelajar Islam yang berminat dalam kerjaya penjagaan kesihatan.

“Pelajar penjagaan kesihatan serta ahli panel kami yang merangkumi pakar penjagaan kesihatan berkongsi cara dan panduan bekerja dalam bidang ini sebagai seorang Muslim,” jelas Encik Hazmi, pelajar kejururawatan tahun dua di NUS.

MHOP turut mempunyai daya usaha berturut-turut iaitu Program ‘Mentorship’ dan ‘Job Shadowing’ (Bimbangan dan Pengamatan Kerja). La menawarkan peserta prauniversiti pelu-

ang berhubung dengan golongan mahasiswa serta pakar penjagaan kesihatan di samping memperolehi bimbangan dan pengalaman praktikal dalam bidang penjagaan kesihatan.

Selama bertahun-tahun lamanya, MHOP telah berkembang dengan ketara, menggabungkan daya usaha terkini dan meluaskan jangkauannya.

Walaupun menghadapi cabaran seperti pandemik Covid-19, MHOP telah menyesuaikan diri dengan menganjurkan acara hibrid dan meningkatkan kehadiran dalam talian.

“Memandang ke hadapan, saya berharap MHOP dapat terus mengembangkan jangkauan dan meningkatkan hubungan dalam masyarakat penjagaan kesihatan Islam,” kongsikan Encik Luqman, pelajar fisioterapi tahun kedua di SIT.

**Source:** Berita Harian © SPH Media Limited. Reproduced with permission.